# Seminar Penyelidikan Kualitatif Kedua: Pelbagai Teknik Pengutipan dan Penganalisisan Data Kualitatif: Isu dan Perspektif

4-5 Disember, 2006

## *Proses dan Pemerosesan dalam Penyelidikan Kualitatif*

Marohaini Yusoff
Universiti Malaya
marohain@um.edu.my

PERPUSTAKAAN UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI MALAYA

# Pengkongsian Kita

- **Pengenalan**
- **Apakah tujuan penyelidikan kualitatif?**
- **Apakah proses yang diperlukan dalam penyelidikan kualitatif?**
- **Apakah kepentingan unsur proses dalam penyelidikan kualitatif?**
- **Cadangan**



# Apakah TUJUAN Penyelidikan Kualitatif?

- Mendapatkan ***pemahaman*** tentang sesuatu kes/fenomena dalam ***konteks yang sedia ada***
- Mencari dan mendapatkan ***pengetahuan yang terperinci*** tentang sesuatu kes – tumpuan kepada "bagaimana?"
- Mengkaji sesuatu kes ***secara mendalam*** – melibatkan bilangan kes/peserta kajian yang kecil

# ...mudah untuk buat kajian kualitatif

**"If you think that qualitative research is the soft option, is easy, is common sense, is simple, then you are ...wrong....Qualitative research is harder....If you want to get your MEd dissertation or whatever finished quickly and easily, do a straight forward questionnaire study.**

**Qualitative research is only suitable for people who care about it, take it seriously, and are prepared for commitment. It must be done properly or not at all – so unless you are fired with zeal, don't do it! "**

Sara Delamont, 2002

# Mengenali dan Membentuk Pernyataan Masalah

**Sumber**

- Diri anda - berminat
- Persekitaran anda
- Memahami tentang penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah

- Apakah yang berlaku di dalam P&P apabila guru menggunakan ICT
- Bagaimanakah ICT diintegrasikan dengan ABM yang lain?
- Apakah perisian kursus yang digunakan dalam P&P?
- Apakah teknik yang digunakan oleh guru apabila menggunakan ICT dalam P&P

# Proses dalam Pemilihan Tempat dan Peserta Kajian

- Pemilihan peserta kajian dan tempat bertujuan
- Perspektif emik
- Perspektif pakar
- Pengertian data dalam konteks/tempat/ persekitaran dipentingkan – lebih memberi makna

- Perlu memberi masa & tenaga untuk pemilihan peserta kajian dan tempat
- Perlu berada di tempat kajian
- Perlu berkomunikasi dengan peserta kajian

# Kepentingan Penyelidik sebagai instrumen kajian utama

- ***Selecting those time, settings, and individuals that can provide you with the information that you need in order to answer your research question is the most important consideration in qualitative selection decisions***

  **(Maxwell, 2005, hlm. 88)**

*"…the researcher is the research instrument, and the research relationships are the means by which research gets done"*

**(Maxwell, 2005, hlm. 83)**

# Proses Mengutip & Menganalisis Data



# Peoses Permerhatian




SESI TEMU BUAL I
Soalan 1
Sub – Soalan 1a
Sub – Soalan 1b
Sub – Soalan 1c
$1a_1$
$1a_2$
$1b_1$
$1b_2$
$1b_3$
$1c_1$
Soalan 2
Sub – Soalan 2a
Sub – Soalan 2b

Kutipan Data Pusingan I




Kutipan Data Pusingan II

# Proses Mengnalisis Data

- Mencatatkan pemikiran penyelidik tentang pemerhatian, temu bual, ringkasan temu bual, ringkasan bukti dokumen, dan Laporan kes
- Menentukan kod awalan dalam nota kerja lapangan yang dibuat berdasarkan bukti pemerhatian, temu bual dan dokumen;
- Mengenal pasti tema awalan ;
- Membuat interpretasi secara berperingkat, dan
- Mengesahkan interpretasi data yang dikemukakan.

# Proses Menulis Laporan

- Berlaku secara berterusan – penulisan perkaedahan dan dapatan
- Berlaku dari awal bukan setelah tamat mengutip data

- mengenal pasti tempat dan peserta kajian
- Semasa mengutip dan menganalisis data

- Membuat huraian

# Apakah Huraian?

- **Intipati Penyelidikan Kualitatif**
- **Membekalkan landasan yang konkrit**
- **Merupakan perantara antara pembaca dengan pengalaman penyelidik**
- **Membekalkan asas/landasan bagi membuat analisis, interpretasi, pemahaman dan penerimaan**
- **Merupakan FAKTA – apa yang DILIHAT, DENGAR dan DAPATI dari kerja lapangan! Tidak lebih daripada itu.**

# Huraian Peristiwa

"Saya tak nak, saya tak suka, saya takut" Begitulah yang dinyatakan oleh murid orang Asli di darjah Satu Delima. Walaupun mereka kelihatan suka apabila guru menggunakan perisian kursus dalam kelas, mereka menyatakan "saya tak mahu guna" dan "saya tak nak belajar". Ini kerana mereka tidak biasa dengan komputer. Komputer dilihat sebagai alat yang asing. Pelajar juga terlalu malu untuk berkomunikasi menggunakan BM dan BI. Mereka lebih selesa berbahasa Asli.

# Huraian Orang/Peserta Kajian

- Cik Gu Shamsiah, lulusan maktab perguruan, merupakan seorang guru besar yang berdedikasi. Dia sangat prihatin terhadap kebajikan guru dan muridnya di sekolah. Seperti kebanyakan wanita di pantai timur, cik gu Shamsiah sentiasa kelihatan kemas, bergaya dengan kebaya panjangnya. Dia juga senang didekati dan peramah serta suka berbual-bual. Dengan itu, tidak hairanlah ramai yang sayang kepadanya.

# Huraian Tempat/Persekitaran

- Pengajaran-pembelajaran matematik bagi murid Darjah 4 Wira telah dijalankan di makmal komputer. Makmal komputer tersebut mampu memuatkan sebanyak 20 buah komputer untuk dikongsikan murid seramai 40 orang. Namun, dalam sesi pengajaran-pembelajaran yang diperhatikan, hanya 19 komputer dapat digunakan, dan mencukupi untuk semua murid yang berjumlah 36 orang. Komputer disusun dalam dua barisan supaya setiap komputer dikongsikan oleh setiap pasangan murid. Setiap baris ditempatkan dengan 10 buah komputer di atas barisan meja di sebelah kanan. Manakala 10 lagi komputer di tempatkan di atas meja di seblah kiri. Di hadapan kelas, terdapat sebuah meja yang menempatkan sebuah komputer untuk guru.

# Huraian

- Contoh <u>bukan huraian</u>